

06/11/1998

Singapura dibenar guna ruang udara

Ebi Azly Abdullah; Faizal Fadzil

SEPANG, Khamis - Malaysia bersetuju memberi kebenaran serta merta kepada pesawat Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) melalui ruang udara Malaysia untuk operasi Mencari dan Menyelamat (SAR), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, jika pesawat tentera Singapura terpaksa melalui ruang udara Malaysia untuk operasi SAR, republik itu hanya perlu memohon kebenaran yang akan diberi segera.

Persetujuan itu dicapai dalam perbincangan dua hala di antara Dr Mahathir dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong selama satu setengah jam di Kompleks VVIP Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

"Bagi isu (penggunaan) ruang udara, kita bersetuju bahawa bagi (operasi) mencari dan menyelamat, kebenaran serta merta akan diberikan. Kita tidak ada membincangkan perkara lain," katanya pada sidang akhbar selepas pertemuan itu.

Perdana Menteri ditanya sama ada beliau dan Goh membincangkan isu pencerobohan pesawat RSAF di negara ini.

Pada 18 September lalu, kerajaan mengumumkan semua pesawat RSAF dilarang memasuki ruang udara negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk semua bentuk operasi, berkuatkuasa serta merta.

Semua lima peraturan dan pengecualian khas yang diberi kepada pesawat RSAF sebelum ini, ditarik balik dan republik itu terpaksa membuat permohonan rasmi kepada Kementerian Pertahanan jika terpaksa melalui ruang udara negara.

Bagaimanapun, Singapura mendakwa kelewatan Malaysia memberi kelulusan menggunakan ruang udara menyebabkan operasi SAR nahas helikopter Lynx milik Tentera Udara Diraja Britain di Laut China Selatan pada September lalu, terjejas.

Dalam nahas itu, helikopter terbabit terhempas ketika melakukan operasi latihan bersama RSAF. Juruterbang Lt Cdr N D Hurrey, 36, cedera ringan, manakala seorang pemerhati, Lt Toby Beale, 27, terbunuh.

Ditanya sama ada RSAF perlu membuat permohonan secara bertulis bagi mendapatkan kelulusan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Dalam operasi SAR, mungkin masa tidak mencukupi untuk `menghantar menerusi pos'."

Goh yang hadir pada sidang akhbar itu, pula berkata ada prosedur ketenteraan tertentu yang dilaksanakan sebelum ini tetapi dibatalkan, akan diteruskan pada masa depan.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan secara lanjut apakah prosedur itu.

(END)